



**Kenyataan Media
(Untuk Siaran Segera)
SELASA, 22 JULAI 2014**

TOL PERCUMA DI PLAZA TOL SUSUR KELUAR KE JALAN B149 KUNDANG, LEBUHRAYA LATAR

Kundang – Lebuhraya KL-Kuala Selangor (Lebuhraya LATAR) semalam menerima kunjungan YB Datuk Haji Fadillah bin Hj Yusof, Menteri Kerja Raya sempena Majlis Perasmian Susur Keluar ke Jalan B149 Kundang, Lebuhraya LATAR di mana pembinaan susur keluar tersebut telah siap lebih awal dari tarikh jangkaan.

Susur Keluar ke Jalan B149 Kundang, Lebuhraya LATAR telah dibuka secara rasminya oleh YB Menteri Kerja Raya sekaligus membolehkan pengguna terutamanya penduduk Kundang serta kawasan sekitar menggunakan laluan tersebut secara percuma dan menikmati pengecualian bayaran tol sehingga tarikh yang akan diumumkan oleh pihak kerajaan kelak.

Turut berlangsung pada hari yang sama jam 5 petang bertempat di Plaza Tol Kundang Barat, YB Dato' Abdul Shukor Idrus (Adun Kuang), Y.Bhg Dato' Ir. Razali bin Othman (Pengerusi LATAR) serta Y.Bhg Dato' Ir. Ismail bin Md Salleh (Ketua Pengarah LLM) bersama-sama meraikan pengguna terawal Susur Keluar Jalan B149 Kundang yang datang dari arah Kuala Lumpur menghala ke Kundang.

Projek ini merupakan satu lagi inisiatif Kerajaan Persekutuan yang berjaya disiapkan dua puluh empat (24) hari lebih awal daripada tarikh yang dijadualkan oleh pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Selaras dengan slogan "Janji Ditepati", dengan terlaksananya projek ini jelas membuktikan bahawa, pihak Kerajaan Persekutuan telah merealisasikan janji kepada rakyat dengan membina susur keluar bertol dari lebuhraya LATAR di KM 17.6 ke Jalan Setia (B149), Kundang bagi menambahbaik sistem penyuraian trafik di Kundang dan kawasan setempat.

Susur Keluar Jalan B149 Kundang telah lengkap dengan terbinanya tambahan susur keluar iaitu:

- Susur keluar ke Jalan Setia dari arah Barat (dari Kuala Lumpur)
- Susur keluar ke Jalan Setia dari arah Timur (dari Kuala Selangor)

Terdahulu, projek tersebut telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan pada Ogos 2012 bagi menaiktaraf dan melengkapkan persimpangan sedia ada kepada berbentuk *diamond* di antara Lebuhraya LATAR dan Jalan Setia (B149). Dengan siapnya persimpangan ini, ia juga bakal memberi kemudahan akses secara langsung kepada penduduk Kundang, Kuang, Bandar Tasik Puteri, Tasik Biru Kundang serta kawasan sekitarnya yang menggunakan Lebuhraya LATAR untuk ke Kuala Lumpur dan Kuala Selangor.

Pada awal pembinaan Lebuhraya LATAR, Susur Keluar ke Jalan B149, Kundang tidak direncanakan didalam skop pembinaan kerana penyuraian trafik bagi Jalan Setia pada asalnya terletak di Lebuhraya Guthrie melalui Persimpangan Bertingkat Bukit Lagong. Walau bagaimana pun, memandangkan kadar trafik yang semakin tinggi dan ada keperluan bagi penyuraian trafik di situ maka susur masuk ke Lebuhraya LATAR telah dibina. Malahan setelah mengambil kira permintaan rakyat yang memerlukan laluan terus dari atau ke Kuala Lumpur maka susur yang lengkap berbentuk 'diamond' telah dibina ke Jalan Setia.

"LATAR mengucapkan terima kasih kepada kerajaan terutamanya kepada YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Razak dan juga Kementerian Kerja Raya Malaysia, serta Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) yang telah meluluskan cadangan pembinaan tersebut. Ia jelas menunjukkan pihak kerajaan amat prihatin dan mementingkan keperluan serta kemudahan penduduk pekan Kundang, Kuang, Bandar Tasik Puteri, Tasik Biru Kundang serta kawasan sekitarnya" kata Amran Amir, Ketua Pegawai Eksekutif LATAR.

"Pihak LATAR amat berbesar hati kerana segala permasalahan yang disuarakan penduduk telahpun selesai malah turut memberi manfaat dan faedah seperti memendekkan jarak perjalanan yang sekaligus menyumbang kepada penjimatan daripada segi masa serta kos perjalanan. Dengan terbinanya persimpangan yang lengkap diantara Lebuhraya LATAR dan laluan B149, ia menjadi pemangkin kepada peningkatan sosio ekonomi di kawasan sekitar dan sekaligus mempertingkatkan sistem jaringan lebuhraya di negeri Selangor terutama dari lebuhraya LATAR dengan rangkaian Lebuhraya PLUS, Lebuhraya Guthrie dan Jalan Lingkaran Luar Kuala Lumpur (KLORR)" tambah beliau lagi.

Lebuhraya LATAR sepanjang 33km ini menghubungkan Kuala Lumpur dengan Kuala Selangor. Terdapat lima persimpangan di sepanjang lebuhraya ini yang menghubungkan ke beberapa bandar seperti Kuala Selangor, Assam Jawa, Ijok, Bestari Jaya (Batang Berjuntai), Kota Puteri, Puncak Alam, Shah Alam, Bukit Jelutong, Sungai Buloh, Kundang, Rawang dan Selayang. Lebuhraya LATAR memberikan pilihan yang lebih cepat dan selamat bagi perjalanan pengguna ke Petaling Jaya dan Kuala Lumpur dari bandar-bandar tersebut.

Untuk maklumat lanjut, pengguna boleh menghubungi talian LATAR 03-6145 1515 atau layari www.latar.com.my atau klik www.facebook.com/latarexpressway.

MENGENAI KL-KUALA SELANGOR EXPRESSWAY BERHAD

KL-Kuala Selangor Expressway Berhad (KLSEB) merupakan syarikat konsesi Lebuhraya KL-Kuala Selangor (Lebuhraya LATAR) yang dahulunya dikenali sebagai Leburaya Assam Jawa Taman Rimba Bhd (LATAR) dan telah ditubuhkan pada tahun 1996. KLSEB adalah anak syarikat Bina Puri Holdings Berhad (50%) dan Rafulin Holdings Sdn Bhd melalui anak syarikat milik penuh Arena Irama Sdn Bhd,

Pembinaan Lebuhraya LATAR KL-Kuala Selangor dimulakan pada tahun 2008 apabila perjanjian konsesi tambahan telah ditandatangani pada 28 Februari 2008 dengan Kementerian Kerja Raya yang mewakili Kerajaan Malaysia.

Syarikat telah mendapat pembiayaan kewangan pada Oktober 2008 dengan jumlah RM1.04 bilion pinjaman daripada Bank Pembangunan Malaysia dan Pembangunan Islam.

Syarikat telah mendapat 40 tahun konsesi di Lebuhraya LATAR di bawah skim Build-Operate-Transfer (BOT) di mana syarikat bertanggungjawab untuk membiayai, merekabentuk, membina, mengendalikan dan menyelenggara lebuhraya tersebut.

Lebuhraya KL-Kuala Selangor Berhad (Lebuhraya LATAR)

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Surati Sujor di 013-2660207/Hairunnisa Kastolany 012-6881587.

###